

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 17 NOVEMBER 2014
SOALAN :

YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat mana usaha-usaha Kementerian dalam menggunakan kaedah perubatan komplementari yang telah dibuktikan berkesan dalam menangani peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) seumpama diabetes yang tidak dapat dikawal walaupun usaha-usaha menggunakan rawatan moden telah digunakan.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian mengambil maklum sumbangan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) terutamanya sebagai pelengkap atau komplementari bagi perubatan moden dalam rawatan penyakit tidak berjangkit.

Justeru, pihak Kementerian telah mengambil langkah proaktif untuk mengintegrasikan PT&K ini ke dalam sistem kesihatan kebangsaan serta memastikan bahawa perkhidmatan PT&K yang diterima oleh pesakit adalah selamat dan berkualiti.

Tuan Yang Dipertua,

Pada ketika ini, terdapat 15 institusi kesihatan Kerajaan yang menawarkan perkhidmatan PT&K di samping perubatan moden. Antara perkhidmatan yang ditawarkan pada ketika ini adalah rawatan urut Melayu dan rawatan akupunktur bagi pesakit yang mengalami kesakitan kronik dan pesakit pasca angin ahmar, rawatan herba untuk mengurangkan kesan sampingan rawatan kanser, rawatan perbidanan Melayu bagi ibu-ibu selepas bersalin dan rawatan Shirodhara bagi membantu pesakit yang mengalami kemurungan, kesukaran tidur (*insomnia*), kerisauan (*anxiety*) dan untuk merawat tekanan (*stress*).

Pihak Kementerian juga dalam perancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan PT&K ke dalam sistem pejagaan kesihatan primer. Untuk makluman Ahli Dewan semua, projek perintis dalam memperkenalkan perkhidmatan PT&K ke dalam sistem pejagaan kesihatan primer telah pun dijalankan di Klinik Kesihatan Masai, Johor di mana projek ini mendapat sambutan dan maklum balas yang bagus dan menggalakkan daripada pesakit.

Tuan Yang Dipertua,

Dari semasa ke semasa pihak Kementerian sentiasa menjalankan kajian bagi mengkaji amalan PT&K yang mempunyai bukti keberkesanan untuk diperkenalkan di institusi-institusi kesihatan Kerajaan.

Pada tahun 2014, pihak Kementerian merancang untuk menubuhkan dua lagi unit PT&K, iaitu di Hospital Jasin, Melaka dan Klinik Kesihatan Meranti, Kelantan.